



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207
Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 (10)
Tarikh : 17 Februari 2023
Bersamaan : 26 Rejab 1444H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

Tuan,

ARAHAN KERJA BIL. 9/2023/O : KAEDAH BAYARAN BAGI AMAUN YANG MELEBIHI PENETAPAN HAD AMAUN *RECURRING ALLOWANCE* DAN *ONE TIME PAYMENT* DI MODUL *HUMAN CAPITAL MANAGEMENT*

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel dari Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2022(488) bertarikh 09 Disember 2022.

2. Untuk makluman pihak tuan, had amaun bagi mengunci masuk *Recurring Allowance* (Infotype 14) dan *One Time Payment* (Infotype 15) di dalam Sistem Emolumen Berkomputer telah ditetapkan seperti berikut:

- 2.1 *Recurring Allowance* dihadkan sehingga RM25,000.00 ; dan
- 2.2 *One Time Payment* dihadkan sehingga RM50,000.00.

3. Justeru, kaedah Arahan Pembayaran perlu digunakan sekiranya terdapat amaun yang melebihi had bayaran yang telah ditetapkan serta PTJ diingatkan supaya menggunakan modul pembayaran yang tepat seperti berikut :

Modul Pembayaran	Perihal Pembayaran
Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6)	Bayaran dikenakan cukai pendapatan
Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2)	Bayaran yang tidak dikenakan cukai pendapatan

4. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M),CPA (Aust))
Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka